

Pengajian Tarannum Sebelum Dan Semasa Era Datuk Hajjah Faridah Binti Mat Saman

Shafiza Safie¹, Zulkifli Haji Mohd Yusoff²,
Khadher Ahmad³ & Hamdi Ishak⁴

Email: ¹shafizasafie@yahoo.com

¹Calon Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

² Profesor, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

³Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

⁴Pensyarah Kanan, Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

Abstrak

Malaysia merupakan sebuah negara yang menitikberatkan pengajian tarannum di kalangan masyarakatnya agar ianya sentiasa dikuasai dengan baik. Artikel ini bertujuan untuk memperkenalkan tokoh tarannum iaitu qariah mahsyur negara Datuk Hajjah Faridah binti Mat Saman yang begitu sinonim dengan kejuaraannya dalam tarannum al-Quran khususnya dalam Musabaqah al-Quran sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Artikel ini juga adalah untuk mengenengahkan pengajian tarannum sebelum dan semasa era beliau. Penulis menetapkan tahun 1948 hingga tahun 1959 adalah zaman sebelum era Datuk Faridah binti Mat Saman dan 1960 sehingga 2018 adalah zaman Datuk Hajjah Faridah binti Mat Saman. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai perubahan pengajian tarannum sama ada sebelum dan semasa era Datuk Hajjah Faridah binti Mat Saman namun di era beliau perubahan yang berlaku terhadap pengajian tarannum adalah lebih ketara demi penambah baikkannya ilmu tarannum itu sendiri dari semasa ke semasa bagi melahirkan qari dan qariah yang lebih berkualiti dan cemerlang.

Kata Kunci: Tarannum, Tilawah, Faridah Mat Saman, Pengajaran dan Pembelajaran

Tarannum Studies Before and During the Era of Datuk Hajjah Faridah Binti Mat Saman

Abstract

Malaysia is a country that emphasizes tarannum education among the society to ensure it is always well-mastered. This article aimed to introduce the tarannum figure in this country, *qariah* Datuk Hajjah Faridah binti Mat Saman who is synonymous with her championship in tarannum Qur'an, especially in the *Musabaqah* (competition) of the Qur'an either nationally or internationally. This article also aimed to highlight tarannum studies before and during her era. The author set the year 1948 to 1959 is the era before the era of Datuk Faridah binti Mat Saman and 1960 until 2018 is the era of Datuk Hajjah Faridah binti Mat Saman. The findings show that there are various changes in tarannum studies either before and during the era of Datuk Hajjah Faridah binti Mat Saman but in her era the changes that occurred to tarannum studies were more significant for the improvement of tarannum education itself from time to time to produce *qari* and *qariah* with quality and excellent.

Keywords: Tarannum Study, Tarannum Figure, Hajjah Faridah, *Musabaqah* Qur'an, Ilmu Tarannum

1. Pengenalan

Al-Quran merupakan kitab Allah yang bermukjizat, diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibril AS. Pelbagai keistimewaan yang dijanjikan ganjarannya oleh Allah SWT terhadap umat Islam yang membaca kitabNya. Antaranya Allah SWT memberi jaminan kepada golongan yang membaca al-Quran adalah golongan yang tidak pernah rugi. Malah memuliakan pembacanya dengan pelbagai ganjaran yang baik dan mendapat kemuliaan

di sisiNya. Ini sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Fathir ayat 29 hingga 30. Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah SWT dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan daripada apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara tersembunyi atau secara berterang-terang, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian. Supaya Allah SWT menyempurnakan pahala mereka dan menambahi mereka dari limpah kurniaNya. Sesungguhnya Allah SWT Maha Pengampun, lagi sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang yang bersyukur kepadaNya).

Pengajian tarannum sebelum era Datuk Hajjah Faridah binti Mat Saman yang dimaksudkan di sini ialah bermula pada tahun 1948 sehingga 1959. Manakala semasa era Datuk Hajjah Faridah binti Mat Saman pula bermula tahun pada tahun 1960 sehinggalah 2018. Ini kerana pada tahun 1948 beliau dilahirkan ke dunia. Ditetapkan pula sebelum era Datuk Hajjah Faridah binti Mat Saman terhenti pada tahun 1959 kerana pada tahun tersebut Datuk Hajjah Faridah binti Mat Saman masih belum menempa nama dalam arena Tilawah Al-Quran.

Manakala ditetapkan semasa era Datuk Hajjah Faridah binti Mat Saman bermula pada tahun 1960 kerana pada tahun tersebut bermulanya Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan secara rasminya di Malaysia. Namun begitu pada tahun 1963 adalah tahun bermulanya zaman kegemilangan Datuk Hajjah Faridah binti Mat Saman yang mana pada tahun tersebutlah bermulanya beliau menempah nama sebagai johan dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan pada tahun 1964 pula di mana pertama kali diadakan dan dibenarkan para qariah bertanding dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa dan Datuk Hajjah Faridah binti Mat Saman terus mengungguli Musabaqah tersebut dengan mendapat johan. Ditetapkan semasa era Datuk Hajjah Faridah binti Mat Saman terhenti sehingga tahun 2018 kerana pada tahun tersebut kajian ini masih dijalankan.

2. Biodata Datuk Hajjah Faridah Binti Mat Saman

Nama penuh beliau ialah Faridah binti Mat Saman bin Abdul Rahman. Beliau dikenali dalam kalangan anak-anak muridnya sebagai “Kak Dah” (Faridah 2016). Beliau dilahirkan pada 29 Oktober 1948 di Kampung Lubuk Kawah, Temerloh, Pahang. Selepas itu beliau dibesarkan di kampung Padang Turap, Pasir Mas, Kelantan (JAKIM 2007). Beliau juga pernah digelar “Ummi Kulthum Malaysia” oleh Sheikh Yassir Sharkawi ketika mereka sempat berjumpa di Malaysia pada tahun 2015. Ini sebagaimana temubual penulis dengan Haji Md. Hussin bin Mohd Yunus (Berguru hampir 37 tahun dengan Faridah Binti Mat Saman dalam tarannum al-Quran iaitu semenjak berusia 15 tahun. Kini beliau berusia 52 tahun dan merupakan Johan samada di Peringkat Kebangsaan mahupun Antarabangsa pada tahun 1997. Beliau juga merupakan Guru Kaunseling di Sekolah Rendah Sultan Ibrahim (1), Pasir Mas Kelantan) menyatakan bahawa Faridah Mat Saman baginya juga merupakan “Ummi Kulthum” Malaysia kerana suara mereka berdua yang mempunyai persamaan (Md Hussin 2017). Beliau juga digelar dengan pelbagai gelaran kerana kemerduan suaranya dalam tarannum al-Quran (Faridah 2016).

Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2007), selepas itu beliau dibesarkan di kampung Padang Turap, Pasir Mas, Kelantan dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu, Pasir Mas, seterusnya menyambung pelajaran di Sekolah Pondok Mundok, Thailand. Setelah mendirikan rumah tangga dengan Haji Hizam bin Suriadi seorang pegawai tentera dan kini menetap di Kelantan iaitu di Kota Bharu. Beliau dikurniakan sembilan orang anak. Menurut JAKIM (2007) beliau juga tidak bekerja dan merupakan seorang suri rumah tangga. Selain itu, Nik Safiah et.al (2014) menyatakan bahawa beliau turut belajar al-Quran daripada qari-qari yang terkenal di Kelantan. Di samping itu, beliau mula mendapat johan bagi pertandingan Musabaqah Al-Quran pada usia 16 tahun. Di pertandingan Musabaqah Al-Quran Peringkat Antarabangsa beliau mendapat johan qariah pertama iaitu pada tahun 1964. Beliau telah memenangi pertandingan Musabaqah Al-Quran sehingga tahun 1992 sebanyak 8 kali sama ada

di Peringkat Kebangsaan mahupun Antarabangsa.

Setelah tamat pengajian di pondok, Datuk Hajjah Faridah binti Mat Saman kembali aktif mempelajari ilmu tarannum Al-Quran melalui guru-guru hebat seperti Haji Ahmad Mat Som Pergau (Ayah Mat), Haji Mat Musa (Ustaz Mat Tukang Lagu) dan Ustaz Mohammad Kedondong (Ustaz Mat kedondong). Beliau juga merupakan anak murid terawal yang sempat mempelajari ilmu tarannum dengan sentuhan gaya kearaban atau lagu berlahjah arabiah versi timur tengah melalui guru tersebut (Ahmad Shafiq 2015).

Menurut Ahmad Shafiq (2015) lagi, guru Faridah binti Mat Saman dari Nusantara pula ialah Ustaz Ghazali Mandaling yang berasal dari Indonesia. Sewaktu belajar di pondok di wilayah Thailand beliau telah berguru dengan tokoh agama mahsyur tersebut selama tiga tahun.

Menurut Nik Safiah et.al (2014) sekarang beliau menjadi guru Al-Quran dan tarannum Al-Quran di rumahnya, di surau dan di masjid-masjid. Beliau tidak lokek dalam berkongsi ilmu tarannum dan sentiasa memenuhi jemputan mengajar Al-Quran dan Tarannum di dalam mahupun di luar negara selagi mana masyarakat memerlukan khidmat baktinya dalam perkara tersebut. Antara muridnya yang berjaya meneruskan kesinambungannya dalam tarannum Al-Quran iaitu dengan menyandang Johan Peringkat Kebangsaan ialah Hajjah Rahmah binti Abdul Rahman, Hajjah Amnah binti Haji Ayub dan Ustaz Che Yahaya bin Daud (JAKIM (2007). Beliau juga mempunyai sebuah syarikat pelancongan iaitu Tola Travel & Tours yang bermula sejak tahun 1993 sehingga sekarang (PERTIWI 2004)

3. Pengajian Tarannum Sebelum Dan Semasa Era Datuk Hajjah Faridah Binti Mat Saman

3.1 Di Malaysia Secara Umum

Menurut Najmiah binti Omar (2017), sebelum era Faridah binti Mat Saman iaitu pada tahun 1940-an tarannum aliran Misri dilihat semakin terkedepan dengan diterima baik penggunaannya di seluruh dunia termasuklah juga Malaysia. Di Malaysia, Haji Ahmad Ma'sum Pergau memelopori Tarannum Misri. Pengaruhnya bertambah kuat dengan kehadiran qari Mesir ke Malaysia. Antara qari-qari Tarannum Misri yang datang ke Malaysia seperti Syeikh Taha al-Fashni dan Syeikh Mustafa Kamal.

Menurut Siti Norfariza (2014), perkembangan ini memperlihatkan bermulanya fenomena tadarus Al-Quran di Tanah Melayu. Ini kerana istana-istana kesultanan Melayu memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan luaskan tarannum Al-Quran. Langkah yang diambil oleh istana sangat baik kerana dengan kewujudan "Qari-qari Diraja" atau "Qari-qari Istana" membuatkan tarannum Al-Quran semakin meluas dengan golongan qari ini sentiasa memperdengarkan bacaan Al-Quran mereka bukan sahaja kepada raja-raja tetapi juga kepada masyarakat dalam acara kemasyarakatan yang turut berkait rapat dengan hal-hal agama Islam seperti majlis khatam Al-Quran, majlis aqiqah, majlis kahwin, tahlil dan sebagainya.

Pada tahun 1951, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman telah mengambil langkah yang lebih baik dari sebelumnya dengan menjadikan bulan Ramadhan sebagai bulan pertandingan membaca Al-Quran di Kedah sehingga ianya menjadi tradisi. Selepas Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri yang pertama iaitu pada tahun 1957, beliau merancang untuk menyatukan kesemua negeri di Persekutuan Tanah Melayu dalam Majlis Tilawah Al-Quran (Siti Norfariza 2014).

Menurut Mohammad Redzuan Othman (1998), pada era Faridah Binti Mat Saman iaitu pada akhir abad ke-19, peralihan pengajian pelajar dari Mekah ke Mesir mula ketara sebagai satu destinasi baru bagi pengajian Islam. Ini membawa perubahan yang besar kepada dunia tarannum Al-Quran. Jika sebelumnya pelajar banyak tertumpu di Mekah kerana sambil mereka melanjutkan pengajian sambil itu juga mereka dapat menunaikan ibadat Haji atau umrah di Mekah.

Perpindahan pengajian Islam ini menyebabkan mereka juga terdedah dengan gaya bacaan qari-qari Arab secara tidak langsung seperti mendengar bacaan ayat-ayat suci al-Quran di masjid-masjid, melalui siaran radio Izaa'ah Al-Quran yang berkumandang setiap hari dan

juga melalui hafiah-hafiah yang diadakan. Keadaan ini ditambah pula dengan mendapat peluang pengajian ke negara-negara Arab membuatkan qari-qari Malaysia menjadi mahir kerana mereka dapat bertalaqqi secara mushafahah. Ilmu tarannum yang mereka miliki itu diaplikasikan ke negara Malaysia setelah mereka balik ke tanah air. Faktor inilah juga yang menyebabkan qari-qari di tanah Melayu banyak terpengaruh dengan cara dan gaya bacaan qari-qari Arab (Wan Hilmi 2014). M.S Muhammad (1950) menyatakan dengan tertubuhnya Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir menyebabkan peralihan pengajian ini kerana ia merupakan satu institusi yang berprestij dalam pengajian ilmu agama.

Menurut Mohd Ali bin Abu Bakar (1991), angkatan baru iaitu terdiri daripada qari-qari yang belajar lagu di Mekah dan di Mesir. Mereka terdiri daripada Haji Ahmad Pergau, Haji Latif, Haji Saleh Bilah dan ramai lagi. Dengan adanya golongan. Ini disebabkan oleh golongan angkatan baru telah terpengaruh dengan qari-qari dari Mesir dan Mekah. Corak persembahan mereka juga ala Arab dan dikenali dengan lagu Misri.

Mohamad (2007) menyatakan pada 18 Mac 1960 bersamaan 20 Ramadhan 1379 H, Tuanku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah berucap bersempena Musabaqah al-Quran Peringkat Kebangsaan dengan katanya "*Dengan majlis yang mulia ini, saya berharap akan menjadikan Malaya sebagai pusat dari mana cahaya Islam akan bersinar dan memancar ke negara-negara lain.*

Pada tahun 1960 juga, dengan adanya Musabaqah al-Quran atas keperihatinan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu maka tampillah qari-qariah mahsyur dari pelbagai pelusuk negeri untuk mempersembahkan bacaan tarannum mereka. Setahun selepas itu iaitu pada tahun 1961, Musabaqah al-Quran peringkat antarabangsa telah diadakan dan ia telah memperkenalkan Malaysia ke seluruh pelusuk dunia (Mohamad 2007).

Menurut Mohd Ali (1991), dengan jalinan antara lagu dari angkatan lama dan lagu dari angkatan baru ini menjadikan perkembangan tarannum al-Quran bertambah merebak dan meluas ke seluruh negara. Ia berorientasikan pembaharuan terhadap persembahannya yang mana diperibagakan lagu di dalam bacaan tidak seperti hal yang berlaku sebelumnya.

Menurut Siti Nor Mahiram (2015/2016), pada era Faridah binti Mat Saman pembaharuan terhadap seni lagu al-Quran semakin menonjol dengan membuat pelbagai pembaharuan melalui usaha-usaha ke arah kesinambungan dalam menyebarkan tarannum di Malaysia seperti Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa (MTQA), penubuhan institut tahfiz Darul Quran JAKIM, Kelas Kemahiran Al-Quran (KKQ), penawaran subjek ilmu-ilmu tarannum serta pengajian khusus di Universiti Awam dan Universiti Swasta serta peranan media massa.

JAKIM (2008) menyatakan bahawa Majlis Tilawah al-Quran diasaskan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj iaitu Perdana Menteri pertama Malaysia. Beliau telah menjadikan majlis ini sebagai acara rasmi tahunan kerajaan setiap tahun samaada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Bertitik tolak daripada sinilah lahirnya qari dan qariah hebat yang telah menjulang nama negara ke persada dunia antaranya ialah Haji Ahmad Bin Mat Som, Dato' Haji Ismail Bin Hashim, Datuk Hajjah Faridah binti Mat Saman, Hajjah Rogayah Binti Sulong dan ramai lagi.

Nordin (1978) menyatakan pengerusi pertandingan membaca al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah menerangkan bahawa:

- i. Jemaah hakim akan mengawasi perkara ini terutama hukum-hukum tajwid dengan sempurna, sebutan huruf, sifat huruf dan hukum-hukum wakaf dan *ibtida'* dengan baik sebagaimana yang dikehendaki dalam bacaan al-Quran
- ii. Lagu. Menggunakan lagu-lagu Arab dengan sekurang-kurangnya empat jenis dalam satu-satu bacaan tanpa mengira apa lagu yang dimulakan. Tiap-tiap lagu hendaklah dibawa dalam tiga tingkatan, iaitu rendah sederhana dan tinggi. Lagu-lagu yang dibawa mestilah asli iaitu berunsur Arab, tidak meniru dengan sepenuhnya bacaan pembaca-pembaca terkenal.
- iii. Suara. Suara adalah bergantung kepada beberapa faktor penting, antaranya kebersihan suara, kelicinan suara, terang dan nyata, tidak berubah dan nafas tidak

berputus-putus di tengah bacaan.

- iv. *Tartil*. *Tartil* dan kelancaran adalah meliputi, cermat dalam bacaan, lancar dalam sebutan pada lafaz dan ayat, terpelihara segala baris dan tasydid serta terpelihara susunan ayatnya. Kesimpulannya, kesempurnaan *tartil* dan kelancaran (*fasahah*) akan tercapai dengan bacaan lajih Arab, dan bacaan tidak terlalu cepat atau lambat.

Perkembangan tarannum al-Quran juga banyak dipengaruhi oleh faktor Majlis Tilawah Al-Quran yang bermula sejak 1960 lagi. Ini kerana ia melahirkan ramai qari dan qariah hasil daripada pertandingan yang diadakan khususnya di peringkat antarabangsa. Majlis ini menekankan kepada empat perkara utama dalam bacaan al-Quran iaitu tajwid (40 markah), tarannum (25 markah), *fasahah* (20 markah) dan suara (15 markah). Faktor ini memberikan impak yang positif kepada masyarakat terutamanya Melayu ke arah membudayakan bacaan al-Quran secara bertarannum (Norakyairee & Adnan 2008).

Menurut Wan Hilmi Wan Abdullah (2014), ia ditambah pula dengan penganjuran majlis tilawah al-Quran telah membuatkan Malaysia mempunyai hubungan yang baik dengan menjemput para qari Arab yang mahsyur seperti Sheikh Mustafa Ismail, Sheikh Mahmud Khalil Husari, Sheikh Fathi Hasan Maliji dan ramai lagi. Ia turut memberi kesan kepada gaya bacaan al-Quran qari-qari di Malaysia.

Di samping itu Mohd Karim bin Ismail (1991) menyatakan pelbagai matlamat diadakan musabaqah Al-Quran ini antaranya ialah pertama untuk menarik minat dan perhatian terhadap pembacaan Al-Quran khususnya ke arah mendekati, mengkaji, seterusnya menghayati isi kandungan Al-Quran dengan tekun. Kedua bagi melahirkan qari dan qariah yang lebih baik mutu bacaannya di semua peringkat umur hasil usaha dan didikan para guru tarannum yang hebat dalam mengembangkan ajaran Al-Quran kepada masyarakat setempat. Ketiga, adanya pusat pengajian samaada yang dibina secara khusus ataupun tidak dalam usaha melahirkan masyarakat yang celik Al-Quran khususnya tarannum Al-Quran. Keempat ia dapat memberi kesedaran kepada ibubapa akan pentingnya pendidikan Al-Quran kepada anak-anak semenjak kecil dan yang terakhir ia dapat membina tali persaudaraan yang erat apabila masing-masing dapat berkongsi ilmu dan pengalaman hidup berkenaan hal tersebut seterusnya mengaplikasikan isi kandungan Al-Quran dalam kehidupan mereka (Mohd Karim 1991).

Farah Ilyani (2011) menjelaskan dengan wujudnya pusat-pusat pengajian tarannum di Malaysia samada secara langsung atau tidak langsung, ia telah mengembangkan lagi ilmu ini ke seluruh pelusuk negara. Aspek tajwid dan tarannum ialah dua aspek yang dititikberatkan dalam pengajian al-Quran. Bermula dari pengajian di rumah-rumah guru al-Quran, masjid, surau, institusi pondok di beberapa buah negeri, seterusnya dilanjutkan ke sekolah dan pusat pengajian tinggi.

Mengikut Mohd Ali (1991), setelah itu perkembangan tarannum lebih rancak di seluruh negara dengan usaha yang dibuat oleh Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia di mana bahagian ini telah menubuhkan satu skim latihan khas yang dinamakan "Kelas Pengajian Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran". Antara tujuannya ialah untuk melatih para guru dan pelajar yang berbakat. Bahagian lagu di kelas ini dipimpin oleh Ustaz Nik Jaafar Bin Nik Ismail yang merupakan salah seorang pakar dalam bidang lagu dan salah seorang Hakim dalam Majlis Tilawah Al-Quran. Beliau juga bertanggungjawab bukan sahaja di dalam bidang lagu malah dalam mempertingkatkan kemahiran mereka dari semasa ke semasa.

Kelas khas ini ditubuhkan pada tahun 1985 oleh Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia bertujuan untuk melatih pelajar yang berbakat dalam tarannum al-Quran dengan digilap oleh tenaga pengajar dalam bidang tersebut supaya dapat menjadi pelapis yang berwibawa. Di samping itu, para guru juga turut dilatih oleh tenaga pakar agar mereka mampu meningkatkan lagi kemahiran yang ada agar lebih hebat dan mantap khususnya dalam tarannum al-Quran (Mohd Ali 1991).

Dengan adanya skim khas ini mampu memberi semangat kepada para pencinta al-Quran khususnya tarannum al-Quran dalam usaha yang diambil oleh kerajaan untuk melatih, meningkatkan dan mengembangkan tarannum al-Quran di kalangan guru-guru agama dengan

mendidik, melatih dan membentuk suatu angkatan pelapis yang memang berkebolehan dan berkualiti demi masa depan tarannum agar lebih terjamin seterusnya tercapailah hasrat dan matlamat kerajaan yang menganjurkan Ujian Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Peringkat Antrabangsa pada setiap tahun (Mohd Ali 1991).

3.2 Di Negeri-Negeri Lain

Menurut Siti Norfariza (2014), selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj merancang untuk membawa pertandingan ini ke peringkat yang lebih jauh dan baik. Langkah awal yang diambil ialah mengadakan pertandingan membaca Al-Quran di Negeri Kedah dan Johor pada Bulan Ramadhan 1378 H bersamaan tahun masihi 1959.

Menurut Najmiah (2017), semasa era Faridah Binti Mat Saman pengajian tarannum telah tersebar ke seluruh negeri di Malaysia antaranya Negeri Terengganu. Faridah Binti Mat Saman juga turut terlibat apabila semasa pemerintahan Sultan Ismail Nasiruddin Shah, baginda menjemput beliau dan para qari dan qariah mahsyur yang lain bagi memperdengarkan alunan ayat-ayat suci al-Quran secara bertarannum di Istana Terengganu pada setiap kali tibanya bulan Ramadhan.

Menurut Nik Adnan (1991) pada tahun 1983, walaupun Haji Ahmad Pergau mendapat jemputan dari Kerajaan Negeri Terengganu untuk menjadi guru al-Quran di sana namun masih terdapat qari-qari hebat yang meneruskan usaha murni dalam perkembangan ilmu tarannum al-Quran seperti Haji Musa Bin Mahmud dan Mohd Yusof Abdullah iaitu johan qari peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa pada tahun 1962. Di Negeri Kelantan menunjukkan hasil didikan tokoh-tokoh lagu terkenal seperti Haji Mohd Yusof Kedondong dan Haji Ahmad Pergau telah berjaya melahirkan anak-anak murid yang hebat termasuk juga Faridah binti Mat Saman. Haji Ahmad Pergau meninggal dunia pada tahun 1987.

Menurut Wan Hilmi (2014) pula pada tahun 2009 kelas tarannum di buka di Besut iaitu di Masjid Kampung Raja. Ini bertujuan menyebarkan ilmu tarannum kepada masyarakat dan ianya masih beroperasi sehingga kini. Antara qari-qariah hebat Negeri Terengganu seperti Haji Mat Lintar, Haji Muhammad bin Awang, Hajjah Rogayah Sulong dan ramai lagi.

Menurut Mohd Ali (1991), di negeri Pahang pula turut membuktikan bahawa mereka mengambil faedah yang besar dengan berjiran dengan negeri Kelantan yang terkenal dengan pengajian pondok dan pusat pengajian tarannum. Ini dibuktikan apabila Hajjah Jamilah binti Che' Soh belajar dengan Haji Ahmad Pergau. Antara qari-qariah mahsyur dari Negeri Pahang juga seperti Haji Bakar agor, Haji Syafie bin Lebai Hanifah, Hajjah Zainab atau Kamariah binti Mat, Hajjah Hakimah binti Che' Soh dan ramai lagi.

Wan Hilmi (2014) menyatakan bahawa di Kuala Lumpur pula kelas tarannum mula dibuka pada tahun 2006 sehingga kini bertempat di Masjid Al-Syakirin, KLCC. Ia merupakan kelas bagi qari-qari yang berada dari luar negeri Kelantan dan merupakan kelas yang mendapat perhatian ramai pihak bukan sahaja qari tempatan di dalam negara bahkan turut mendapat perhatian dari luar negara. Negara terbabit seperti Iran, Indonesia dan sebagainya yang datang berkunjung untuk mendapatkan nasihat dan bimbingan dari para guru yang mahir dalam mengajar tarannum di situ.

Mohd Ali (1991) menyatakan terdapat qari-qariah terkenal di Wilayah Persekutuan ini pada era Faridah Binti Mat Saman seperti Haji Muhammad bin 'Asri, Haji Abdul Satar bin Haji Wan Abdul Rahman, Rokiah binti Deraman dan lain-lain lagi.

Beliau juga menyatakan di Kedah juga terdapat para qari dan qariah yang terkenal pada era Faridah binti Mat Saman seperti Abdul Hamid Desa, Ismail bin Hashim, Jamilah binti Ahmad, Aishah binti Mustafa dan ramai lagi. Manakala di Negeri Sabah pula antara qari dan qariah yang mahsyur pada era Faridah binti Mat Saman seperti Haji Abdul Ghafar bin Richim, Mohd Saleh bin Tatri, Kuriah binti Tasip, Hajjah Yatim binti Haji Zaman dan ramai lagi. Manakala Negeri Melaka pula seperti Haji Adnan bin Haji Abdullah, Abdul Ghani bin Ahmad Kardi, Qamariah binti Abdullah, Latifah binti Harun dan lain-lain lagi (Mohd Ali 1991).

Negeri Sarawak juga telah ada qari qariah mahsyur pada era Faridah Binti Mat Saman ini seperti Ayob Bin Tanggoi, Hasim Bolahan, Saidah Binti Saud, Sharifah Zubiah Binti Muhammad dan ramai lagi. Di Negeri Johor pula seperti Affendi Bin Haji Siraj, Mohd. Saleh Bin Saidi, Rahmah Binti Abdul Rahman, Hajjah Rahmas Binti Abdullah dan lain-lain lagi. Manakala di Negeri Sembilan seperti Haji Ghazali Bin Haji Abdul Rahman, Haji Alwi Bin Haji Kassim, Fatimah Binti Debab, Hajjah Maimon Bin Haji Haron dan ramai lagi. Di Negeri Pulau Pinang pula seperti Haji Ishak Ayob, Ismail Musa, Hajjah Rodziah Binti Abdul Rahman, Siti Aminah Binti Awang dan ramai lagi (Mohd Ali 1991).

3.3 Di Kelantan

Najmiah (2017) menjelaskan selepas tahun 1940-an, Haji Ahmad Ma'sum Pergau iaitu qari terkenal dari Kelantan merupakan ketua dalam tarannum Misri. Beliau merupakan dari golongan angkatan baru yang menjadi ketua bagi angkatan tersebut selain turut dipopularkan juga oleh para qari Malaysia yang belajar di Negara Mesir.

Manakala semasa Era Faridah binti Mat Saman iaitu pada tahun 1960-an, Negeri Kelantan lebih terkenal apabila menjadi pusat tumpuan ramai pelajar dalam mempelajari al-Quran dan Agama Islam dari pelbagai negeri malah negara seperti Semenanjung Malaysia, Indonesia, Filipina, Kemboja, Patani dan sebagainya (Najmiah 2017).

Ia juga memberi kelebihan kepada negeri berdekatan dengannya seperti Negeri Terengganu apabila melahirkan ramai qari yang mampu bertarannum dengan baik yang melayakkan mereka memasuki seterusnya menjuarai dalam Musabaqah Al-Quran. Salah satu punca ialah mereka memanfaatkan kedudukan negeri mereka dengan negeri Kelantan dengan berguru dengan guru-guru berpengalaman dalam tarannum al-Quran termasuk juga Faridah Binti Mat Saman. Selain itu, terdapat juga qari dari Negeri Kelantan yang mengajar tarannum di kawasan sekitar Daerah Besut (Najmiah 2017).

Menurut Najmiah (2017) lagi, ini dibuktikan dengan kejayaan anak murid Faridah binti Mat Saman iaitu Siti Mas Ismail dari Besut, Terengganu yang telah berjaya memenangi kejohanan tilawah al-Quran di peringkat negeri sebanyak 3 kali. Oleh kerana kedudukan Besut berhampiran dengan Negeri Kelantan maka beliau mengambil seberapa banyak faedah dengan berguru juga dengan qari-qari mahsyur Negeri Kelantan yang juga pernah menyandang sebagai johan dalam Majlis Tilawah al-Quran peringkat Antarabangsa seperti Ahmad Masum Pergau, Siti Nor Ismail, Hassan Musa dan Haji Rahim Mohamad. Selain itu Nik Jaafar yang juga merupakan hakim antarabangsa bahagian tarannum al-Quran turut menjadi guru beliau dalam tarannum al-Quran. Jika dilihat qari mahsyur dari Negeri Terengganu iaitu Haji Mat Lintar juga asalnya beliau berasal dari Negeri Kelantan iaitu dari Kampung Kemumin, Pengkalan Chepa, Kelantan.

Pengajian al-Quran secara berlagu atau tarannum merupakan pengajian al-Quran cara lama dan merupakan peringkat paling tinggi. Menurut Ismail (1983), mengambil kata-kata dari Haji Ahmad bin Ma'som Pergau: "Tidak ramai orang yang dapat mengikuti pengajian cara berlagu ini sehingga berjaya kerana ianya mempunyai syarat, iaitu suara yang merdu dan bacaan dengan tajwid yang sempurna".

Perkembangan pengajian seni lagu al-Quran ini semakin pesat di Kelantan apabila diadakan pertandingan al-Quran pada tahun 1960 iaitu Pertandingan Musabaqah al-Quran Peringkat Kebangsaan yang julung-julung kalinya diadakan. Walaupun pada tahun tersebut Kelantan tidak berjaya memenangnya yang diwakili oleh Haji Yusof Bin Bulat, namun pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 1961, Haji Ahmad Mat Som Pergau berjaya mengharumkan nama Negeri Kelantan dengan memenangi kedua-dua pertandingan membaca al-Quran samaada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Diikuti pula oleh Haji Hassan Musa yang berjaya mencapai johan di peringkat antarabangsa walau di peringkat kebangsaan beliau kalah. Ini berlaku pada tahun 1964 (Ismail 1983).

Menurut Ismail (1983), pada tahun berikutnya iaitu 1964, Faridah Binti Mat Saman telah menjuarai dalam pertandingan Musabaqah Al-Quran dan beliau merupakan qariah pertama yang memenangi dalam Pertandingan Musabaqah al-Quran di peringkat antarabangsa.

Bagi memastikan seni lagu al-Quran ini terus berkembang, Haji Ahmad bin Mat Som Pergau telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Kelantan sebagai guru lagu. Amanat ini dipikul dengan bersungguh-sungguh oleh beliau sehingga beliau terpaksa menjelajah keseluruh Negeri Kelantan dengan tujuan untuk mengajar lagu-lagu al-Quran. Bertitik tolak dari sinilah maka lahirlah ramai para qari mahupun qariah di Negeri Kelantan seterusnya masyarakat Kelantan juga sudah mula menunjukkan minat untuk mempelajari al-Quran secara bertarannum. Hasil dari didikan guru yang hebat seperti Haji Ahmad bin Mat Som Pergau inilah telah melahirkan murid-murid yang hebat juga yang menjadi johan seperti Hajjah Siti Nor Ismail (Johan 1966 dan 1967), Haji Abd. Majid Awang (Johan 1966) dan ramai lagi. Ini membuktikan bahawa perlantikan Haji Ahmad bin Mat Som Pergau sebagai guru lagu oleh Kerajaan Negeri Kelantan merupakan tindakan yang tepat dan mengharumkan nama Negeri Kelantan dengan usaha gigih yang ditonjolkan beliau (Ismail 1983).

Najmiah (2017) menyatakan ini berikutan juga, pentingnya peranan seorang guru dalam memperluaskan tarannum al-Quran dengan pertambahan anak-anak muridnya di kalangan qari dan qariah. Guru yang hebat menjamin keberkesanan dan kualiti seseorang qari mahupun qariah.

Justeru, mengikut Ismail (1983), bagi mencapai kesempurnaan dalam pengajian lagu al-Quran ini, maka Haji Ahmad bin Mat Som Pergau sebagai ketua guru pusat mengajar lagu al-Quran di Kelantan, telah dibantu oleh beberapa orang lagi tenaga yang mahir dalam bertarannum seperti Haji Mohammad Fadzil bin Haji Daud, Haji Hassan bin Musa, Hajjah Faridah binti Mat Saman dan Hajjah Sitina @ Siti Nor binti Ismail.

Selain itu menurut Wan Hilmi (2014), kelas pengajian tarannum semasa era Faridah Binti Mat Saman dilihat berlaku di Negeri Kelantan bertempat di Pejabat Qadi, Kuala Krai iaitu pada tahun 1997 sehingga tahun 2009.

Pihak kerajaan juga memberi wang tunai sebanyak dua ribu ringgit sebagai insentif sepanjang hayat bagi johan samada dari kalangan qari mahupun qariah Peringkat Kebangsaan bermula pada tahun 1961. Ia diberikan kepada qari mahupun qariah yang dimaksudkan yang mana mereka masih hidup. Ia bertujuan supaya dengan penghargaan ini maka akan lahir ramai para pencinta al-Quran untuk terus membudayakan dan termotivasi dengan al-Quran dalam kehidupan seharian. Perubahan demi perubahan juga dibuat agar menghidupkan lagi kemeriahan tarannum Al-Quran ini seperti penggunaan pelbagai tema pada setiap tahun antaranya ialah Wahdah al-Ummah Pada Tahun 2010 dan Wahdah Pemangkin Khayra Ummah pada tahun 2009. Antara tujuannya ialah untuk mengukuhkan persefahaman berlandaskan al-Quran. Pada tahun 2011 pula tema yang digunakan ialah Satu Malaysia Satu Ummah sebagai satu usaha untuk terus membangunkan dan memajukan negara walau terdiri dari pelbagai kaum supaya dapat dicapai (Perutusan Perdana Menteri 2009).

4. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, jelas dapat kita lihat daripada apa yang dibentangkan oleh penulis akan perubahan-perubahan yang berlaku pada pengajian tarannum sebelum dan semasa era Datuk Hajjah Faridah binti Mat Saman. Ia dapat dilihat berlaku terhadap Negara Malaysia secara umum, kepada negeri-negeri lain dan seterusnya kepada Negeri Kelantan yang menjadi fokus kajian penulis. Namun begitu semua perubahan ini berlaku adalah demi meningkatkan lagi kualiti terhadap pengajian tarannum itu sendiri sehingga dengan tarannum ini telah memperkenalkan Malaysia ke mata dunia dengan penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa yang diadakan pada setiap tahun seterusnya mendapat penyertaan dari pelbagai negara. Hasilnya, dengan perubahan yang berlaku pada era Datuk Hajjah Faridah binti Mat Saman, ia mampu membantu melahirkan golongan qari dan qariah yang berkualiti dan cemerlang dengan adanya pelbagai kemudahan yang disediakan kepada mereka. Ini ditambah pula apabila mereka lebih dikenali di serata dunia dengan kehebatan tarannum mereka. Hal ini berlainan jika dibandingkan dengan terhadapnya kemudahan pada zaman sebelum era Datuk Hajjah Faridah Binti Mat Saman dan penyebaran tarannum juga pada masa ini tidak terkedepan jika dibandingkan dengan apa yang berlaku pada era Datuk Hajjah Faridah Binti Mat Saman.

Rujukan

al-Qur'an al-Karim.

- Ahmad Shafiq Mat Razali. 2015. *Bacaan berlahjah arabiyah dalam kalangan qari dan qariah peringkat kebangsaan Malaysia*, Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farah Ilyani Zakaria. 2011. *Penilaian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) di Selangor*, Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faridah Mat Saman. 2016. *Biodata Datuk Hajjah Faridah binti Mat Saman*. Kota Bharu, Kelantan. Temu bual 29 Disember.
- Haji Md. Hussin Mohd Yunus 2017. *Biodata Datuk Hajjah Faridah binti Mat Saman*. Pasir Mas, Kelantan. Temu bual 11 Januari.
- Ismail Bin Awang. 1983. *Pengajian dan pengajaran al-Quran di Kelantan selepas merdeka*, Tesis Kesarjanaan Jabatan al-Quran Dan al-Sunnah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2007. *Johan Qari dan Qariah Malaysia Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa 1379 H/ 1960 M- 1427 H/ 2006 M*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2008. *50 Tahun Tilawah Al-Quran di Malaysia*. Kuala Lumpur, Print Sdn. Bhd.
- Mohamad Bin Saari. 2007. *Johan Qari dan Qariah Malaysia*. Kuala Lumpur: JAKIM 2007.
- Mohd Ali Bin Abu Bakar. 1991. *Seni Lagu al-Quran di Malaysia*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Mohd Karim Bin Ismail. 1991. *Tuan Guru Haji Ahmad Ma'som (Ahmad Pergau @ Pergawi) Ketokohan dan Sumbangannya Terhadap Pengajian al-Quran al-Karim Kajian Khusus di Kelantan Darul Naim, Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Al-Quran Dan Al-Sunnah: Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Najmiah Binti Omar. 2017. *Pengajian tarannum al-Quran di Terengganu dari tahun 1960-2013: kajian terhadap pengajaran Rogayah binti Sulong*, Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nik Adnan Bin Nik Jaafar. 1991. *Pengajian lagu-lagu al-Quran dan pengamalannya: satu kajian di daerah Pasir Mas, Kelantan, Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin, Kuala Lumpur: Universiti Malaya*.
- Nik Safiah Karim et.al. 2014. *Biografi Tokoh Wanita Kelantan*. Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan.
- Norakyairee & Adnan Mohamed Yusoff. 2008. *Pengajaran Ilmu Tarannum al-Quran*. Selangor: Open Universiti Malaysia.
- Nordin Salleh. 1978. *Pengamalan Hakim Musabaqat*. Dlm. *Majalah Dakwah*, Bil. 18.
- Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI). 2004. *Biografi Tokoh Wanita Malaysia*. Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Siti Norfariza Mohd Tawel. 2014. *Penganjuran tilawah al-Quran peringkat antarabangsa: sejarah dan perkembangannya*, Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam: Universiti Malaya.
- Siti Nor Mahiram Adnan. 2015/2016. *Seni lagu dalam tilawah al-Quran: kajian sejarah dan perkembangannya di Malaysia*, Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Wan Hilmi Wan Abdullah. 2014. *Pengaruh tarannum qari-qari Mesir terhadap qari-qari di Malaysia*, Ijazah Sarjana Pengajian Islam: Universiti Kebangsaan Malaysia.